Utusan Borneo: 27 November 2026

Guru durjana dipenjara 60 tahun dan 24 sebatan

KUCHING: Seorang guru lelaki sekolah rendah berusia 35 tahun dijatuhi hukuman penjara 60 tahun dan 24 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Sri Aman kelmarin selepas mengaku bersalah atas 64 pertuduhan kesalahan seksual fizikal terhadap lapan kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 12 tahun.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman penjara berjumlah 260 tahun bagi kesemua pertuduhan, namun memerintahkan semua hukuman itu berjalan serentak, menjadikan tempoh pemenjaraan yang perlu dijalani tertuduh selama 60 tahun.

Iris turut mengenakan hukuman 160 sebatan bagi kesemua pertuduhan, namun pelaksanaannya tertakluk kepada had maksimum 24 sebatan seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 288 Kanun Tatacara Jenayah.



KE PENJARA: **Tertuduh (dua kanan) diiringi polis keluar dari Kompleks Mahkamah Majistret Sri Aman, kelmarin.** — Gambar Polis

Hakim memerintahkan tertuduh menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh tahanan, selaras dengan Seksyen 26 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (SOACA).

Lihat Muka 2

Guru durjana dipenjara 60 tahun dan 24 sebatan

Dari Muka 1

Selepas selesai menjalani hukuman penjara, tertuduh diperintahkan menjalani pengawasan selama dua tahun mengikut Seksyen 27 akta sama.

Daripada 64 pertuduhan, sebanyak 59 dikemukakan mengikut SOACA 2017, iaitu 22 pertuduhan di bawah Seksyen 14(a), 23 pertuduhan di bawah Seksyen 5 dan 14 pertuduhan di bawah Seksyen 10.

Empat lagi pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksaan, manakala satu pertuduhan lagi mengikut Seksyen 377C kanun sama.

Berdasarkan fakta kes, kejadian itu terbongkar selepas beberapa ibu bapa dan mangsa sendiri membuat laporan polis susulan pendedahan mengenai perlakuan seksual tertuduh yang didakwa berlaku sejak 2023 hingga Januari 2026.

Siasatan mendapati kejadian melibatkan lapan mangsa itu berlaku di beberapa lokasi, termasuk pusat sumber, bilik darjah dan bilik guru di sekolah berkenaan di Lubok Antu.

Tertuduh didapati melakukan pelbagai perbuatan seksual terhadap mangsa, termasuk menyentuh bahagian sulit mangsa.

Tertuduh turut menarik rambut serta menampar kepala dan pipi mangsa, selain mengugut mereka supaya tidak mendedahkan perbuatan berkenaan.

Seorang mangsa turut mendakwa tertuduh menawarkan pelbagai hadiah kepadanya, termasuk papan luncur, kipas tangan, jam tangan dan peralatan sekolah.

Siasatan juga mendapati tertuduh melakukan komunikasi seksual dengan mangsa, termasuk menunjukkan video lucah kepada sekumpulan murid serta merakam perbuatan seksual di beberapa lokasi dalam kawasan sekolah.

Selain itu, pemeriksaan forensik terhadap telefon bimbit, komputer meja dan beberapa cakera keras yang dirampas dari kediaman tertuduh menemukan gambar serta video yang disyaki mengandungi bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Jonathan Lim Hsi How, manakala tertuduh diwakili peguam Boston Ho dan Clement Hii.